

1100089175

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu



LP 65 FPE 1 2010



1100089175

Analisis pembangunan industri kecil dan sederhana di negeri Pahang / Tee Hui Xuan.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089175		

Lihat Sebelah

**ANALISIS PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL
DAN SEDERHANA DI NEGERI PAHANG**

TEE HUI XUAN

SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2010

PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4399A dan EKN4399B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 12-04-2010

Tandatangan :


TEE HUI XUAN
UK 15691

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date : 12-04-2010

Signature :


TEE HUI XUAN
UK15691

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat semasa saya menyiapkan Kertas Projek (EKN 4399A dan EKN 4399B) ini terutamanya kepada penyelia kertas projek iaitu, **Prof. Madya Dr. Fauziah Abu Hasan** yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada saya untuk mencedok seberapa banyak ilmu serta tidak jemu-jemu memperbaiki kelemahan yang ada.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberi dorongan dan galakan kepada saya sepanjang belajar di UMT dan sepanjang menyiapkan kertas projek ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan dan individu-individu yang turut membantu dan terlibat secara langsung dan tidak langsung serta berkongsi ilmu bagi melicinkan proses menyiapkan kertas projek ini dan sepanjang di UMT.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UMT yang telah banyak mendidik dan menyalurkan ilmu sepanjang pengajian saya dan tidak ketinggalan juga kepada para pustakawan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Akhir kata, setinggi-setinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat. Segala ilmu, tunjuk ajar serta kata nasihat yang saya peroleh sewaktu menyiapkan kertas projek ini akan saya jadikan panduan dalam kehidupan mendatang.

Sekian, terima kasih.

Abstrak

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan tulang belakang kepada sektor perindustrian negara dan dilihat berpotensi untuk dikembangkan dari semasa ke semasa. Sektor IKS yang kukuh akan menyumbang kepada pencapaian kekayaan negara dan penting dalam menggerakkan sektor-sektor lain. Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan di antara industri bandar dan luar bandar. Selain itu, kajian ini akan mengupas faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan IKS. Terdapat beberapa faktor yang membantu dalam perkembangan IKS antaranya termasuk permintaan terhadap produk IKS, modal, latihan, teknologi maklumat dan sikap pengusaha. Kajian dijalankan berdasarkan pengumpulan maklumat primer melalui sesi temubual dan kajian soal selidik dengan pengusaha IKS di Negeri Pahang. Data-data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, analisis khi kuasa dua, analisis pengujian F dan analisis pekali koefisien dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package For The Social Sciences) versi 16.0. Hasil kajian menunjukkan modal terkumpul, bilangan pekerja, dan penggunaan teknologi maklumat mempunyai pengaruh terhadap purata jualan tahunan IKS. Selain itu, hasil kajian telah menunjukkan industri di luar bandar adalah kurang maju berbanding dengan industri di bandar. Secara keseluruhan kertas kerja ini telah memperlihatkan sektor IKS di negeri Pahang masih dalam tahap yang lemah dan kurang diberi perhatian oleh kerajaan. Melalui cadangan-cadangan yang digariskan, kerajaan perlu melaksanakan program yang bersesuaian supaya menggiatkan pertumbuhan IKS di Negeri Pahang.

Abstract

Small and Medium Enterprises (SMEs) are considered to be the backbone of the industrial sector in the country and has the potential to be developed. The strength of SMEs sector will contribute to the achievement of national wealth and be an important boost to the other sectors. The objective of this research was to compare between urban and rural industries. In addition, this study analyzed the factors that contributed to the development of SMEs. There are several factors that helped in the development of SMEs, including the demand for SMEs products, capital, training, information technology and the attitudes of entrepreneurs. The study was carried out based on the collection of primary information gathered through interviews and a questionnaire survey with SMEs entrepreneurs in the state of Pahang. The data collected were analyzed using descriptive analysis, Chi square analysis, F test analysis and analysis of coefficients using the software SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) version 16.0. The study results showed that capital accumulated, the number of employees, and use of information technology affected the average annual sales of SMEs. In addition, the study results showed that the industries in rural areas were less developed compared to the industries in the city. This research has shown that SMEs in the state of Pahang are still in a relatively weak position and given less attention by the government. Through the suggestions given, the government need to implement appropriate programs that encourage the growth of SMEs in the state of Pahang.